



JAGA KESELAMATAN...warga kampus yang pulang ke kampung sempena lebaran diharap menjaga keselamatan bagi mengelakkan tragedi tidak diingini berlaku.



KEMUDAHAN...peka pada masalah dihadapi warga kampus, beberapa IPTA sudah menyediakan bas sewa khas bagi membawa mereka pulang ke kampung halaman.

Utamakan keselamatan

MAJLIS Perwakilan Mahasiswa (MPP) institusi pengajian tinggi awam seluruh negara mengharapkan mahasiswa agar menjaga keselamatan sempena sambutan perayaan yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Yang Dipertua MPP Universiti Malaya, Afandy Sutrisno Tanjung, berkata mahasiswa perlu mengambil berat aspek keselamatan supaya kejadian tidak diingini mampu dielakkan.

"Sambutan hari raya bersama keluarga saat menggemirakan, justeru mahasiswa dinasihatkan menjaga keselamatan dengan baik agar tragedi tidak diingini mampu dielakkan.

"MPP juga berharap mereka tidak melupakan tanggungjawab sebagai warga kampus dengan menjaga nama baik institusi sepanjang tempoh perayaan," katanya.

Yang Dipertua MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berharap mahasiswa memanfaatkan masa bersama keluarga dengan bijak dan tidak melupakan tanggungjawab sebagai pelajar.

"MPPUPM berharap sambutan hari raya tahun

ini membawa erti mendalam kepada mahasiswa dan dapat memanfaatkan masa gembira bersama keluarga.

"Bagaimanapun mahasiswa disarankan tidak alpa dengan tanggungjawab pada pelajaran. Kegembiraan pasti berganda jika mereka juga mampu mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan," katanya.

Yang Dipertua MPP Universiti Sains Malaysia, Muhammad Syukri Ibrahim, berkata seluruh warga MPPUSM mengucapkan terima kasih kepada mahasiswa yang memberi sokongan.

"Tanpanya, sudah pasti apa jua perancangan yang dilaksanakan tidak mampu dilaksanakan. Justeru, MPPUSM mengucapkan terima kasih atas sokongan itu.

"MPPUSM juga mengambil kesempatan minta maaf andai sepanjang pelaksanaan program atau pembaharuan dilakukan ada kekurangan.

"Kami juga berharap kemeriahan lebaran akan bermakna kerana persediaan mahasiswa balik ke kampung dengan menggunakan perkhidmatan bas sewa khas sudah diadakan," katanya.